

Season Four: The Second Jahiliyyah

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="186 520 414 567">EPISOD 51</p> <p data-bbox="186 630 925 730">PENGUMPULAN AL-QURAN DAN HADITH</p> <p data-bbox="186 793 365 840">SUARA:</p> <p data-bbox="186 997 982 1207">PENULISAN DAN PENGUMPULAN AL-QURAN TERBAHAGI KEPADA 3 PERINGKAT:</p> <p data-bbox="186 1270 982 1911">1- PERINGKAT PERTAMA: PADA ZAMAN NABI S.A.W. DIMANA CARA YANG DIPENTINGKAN IALAH HAFALAN MELEBIHI PENULISAN KERANA INGATAN KUAT DAN HAFALAN CEPAT DI SAMPING KEKURANGAN ORANG YANG TAHU MENULIS DAN ALAT-ALAT TULIS. OLEH ITU AL-QURAN TIDAK DIKUMPUL DALAM MUSHAF. APABILA MENDENGAR AYAT, ADA YANG</p>	

MENGHAFALNYA DAN ADA YANG MENULISNYA PADA APA-APA SAHAJA OBJEK YANG ADA SEPERTI PELEPAH KURMA, KULIT KERING, BATU DAN TULANG. ORANG YANG ALIM DALAM BACAAN DAN ILMU AL-QURAN BANYAK JUMLAHNYA.

عن أنس بن مالك رضي الله عنه : أن النبي ﷺ بعث سبعين رجلا

يقال لهم: القراء، فعرض لهم حيان من بني سليم رعل وذكوان عند بئر معونة فقتلوهم. [1]

MAKSUDNYA:

DARIPADA ANAS BIN MALIK BAHAWA NABI S.A.W. TELAH MENGUTUSKAN 70 LELAKI YANG DIGELAR AL-QURRA' (PARA ALIM DALAM BACAAN DAN ILMU AL-QURAN). APABILA MEREKA MELEWATI PERIGI MA'UNAH, DUA KAMPUNG DARIPADA BANI SULAIM TELAH MENYERANG DAN MEMBUNUH MEREKA.

SELAIN DARIPADA MEREKA TERDAPAT RAMAI LAGI *AL-QURRA'* (PARA HAFIZ) SEPERTI EMPAT *KHULAFA'*, ABDULLAH BIN MAS'UD, SALIM MAULA ABI HUZAIFAH, UBAI BIN KA'B, MUAZ BIN JABAL, ZAID BIN THABIT DAN ABU AL-DARDA'.

2- PERINGKAT KEDUA: PADA ZAMAN ABU BAKAR PADA TAHUN 12 HIJRAH. SEBABNYA IALAH BANYAK *AL-QURRA'* (PARA HAFIZ) TELAH TERBUNUH DALAM PEPERANGAN *AL-YAMAMAH*. DI ANTARA MEREKA IALAH SALIM MAULA ABI HUZAIFAH YANG MANA RASULULLAH S.A.W. TELAH MEMERINTAHKAN SUPAYA BELAJAR AL-QURAN DARIPADANYA. ABU BAKAR MENGELUARKAN PERINTAH SUPAYA AL-QURAN DIKUMPUL AGAR TIDAK LUPUT.

أن عمر بن الخطاب أشار على أبي بكر رضي
الله عنهما بجمع القرآن بعد وقعة اليمامة،

فتوقف تورعا، فلم يزل عمر يراجع حتى

شرح الله صدر أبي بكر لذلك،

فأرسل إلى زيد بن ثابت فأتاه، وعنده عمر

فقال له أبو بكر: إنك رجل شاب عاقل لا
نتهمك،

وقد كنت تكتب الوحي لرسول الله ﷺ فتنبع
القرآن فاجمعه،

قال: فتنبعت القرآن أجمعه من العصب واللخاف
وصدور الرجال،

فكانت الصحف عند أبي بكر حتى توفاه الله، ثم
عند عمر حياته،

ثم عند حفصة بنت عمر رضي الله عنهما.^[2]

MAKSUDNYA:

**UMAR BIN AL-KHATTAB TELAH
MENCADANGKAN SUPAYA ABU
BAKAR
MENGUMPULKAN AL-QURAN
SELEPAS PEPERANGAN AL-
YAMAMAH.
PADA MULANYA, ABU BAKAR
TIDAK MENERIMA CADANGAN INI
KERANA BELIAU SANGAT
BERHATI-HATI DALAM**

**MELAKUKAN SESUATU URUSAN.
UMAR PULA TIDAK PUTUS-PUTUS
MENGULANGI CADANGANNYA
SEHINGGALAH ALLAH TA'ALA
MELAPANGKAN DADA ABU BAKAR
UNTUK MENERIMA CADANGAN
ITU.**

**ABU BAKAR TERUS MEMANGGIL
ZAID BIN THABIT LALU BERKATA
SAMBIL DIDENGAR OLEH UMAR,
“SESUNGGUHNYA KAMU
SEORANG PEMUDA YANG
BERAKAL DAN KAMI TIDAK
MENSYAKIMU.
KAMU JUGA SERING MENULIS
WAHYU DARIPADA RASULULLAH
S.A.W..
CARILAH DAN KUMPULLAH AYAT-
AYAT AL-QURAN.”**

**ZAID BERKATA, “AKUPUN
BERGEGAS Mencari AL-QURAN
DAN
MENGUMPULNYA DARIPADA
PELEPAH KURMA, BATU-BATA
DAN DADA MANUSIA.
MUSHAF YANG TERKUMPUL ITU
BERADA DALAM TANGAN ABU
BAKAR SEHINGGA BELIAU
WAFAT.**

***KEMUDIAN DIPEGANG OLEH
UMAR SEPANJANG HAYATNYA.
KEMUDIAN DIPEGANG OLEH
HAFSAH.”***

3- PERINGKAT KETIGA: PADA ZAMAN AMIR AL-MUKMININ UTHMAN BIN AFFAN PADA TAHUN 25 HIJRAH. SEBABNYA IALAH BERLAKUNYA PERSELISIHAN MANUSIA DALAM BACAAN (*QIRAAT*) AL-QURAN BERDASARKAN PERBEZAAN LEMBARAN-LEMBARAN AL-QURAN YANG BERADA DALAM TANGAN PARA SAHABAT. APABILA DITAKUTI BERLAKU FITNAH, UTHMAN TELAH MEMERINTAHAKAN SUPAYA LEMBARAN-LEMBARAN INI DIKUMPULKAN KE DALAM SATU MUSHAF SUPAYA MANUSIA TIDAK BERSELISIHAN LALU BERTELAGAH DALAM KITAB ALLAH TA‘ALA DAN BERPECAH BELAH.

أن حذيفة بن اليمان قد على عثمان من فتح
أرمينية وأذربيجان،

وقد أفرعه اختلافهم في القراءة،

فقال: أمير المؤمنين أدرك هذه الأمة قبل أن
يختلفوا في الكتاب اختلاف اليهود والنصارى،

فأرسل عثمان إلى حفصة، ففعلت، فأمر زيد بن
ثابت،

وعبد الله بن الزبير، وسعيد بن العاص، وعبد
الرحمن بن الحارث بن هشام فنسخوها في
المصاحف.

وكان زيد بن ثابت أنصاريًا والثلاثة قرشييت –
وقال عثمان للرهط الثلاثة القرشيين:

إذا اختلفتم أنتم وزيد بن ثابت في شئ من القرآن
فاكتبوه بلسان قريش؛

فإنما نزل بلسانهم، ففعلوا حتى إذا نسخوا
الصحف في المصاحف،

رد عثمان الصحف إلى حفصة، وأرسل إلى كل
أفق بمصحف مما نسخوا،

وأمر بما سواه من القرآن في كل صحيفة أو
مصحف أن يحرق.^[31]

MAKSUDNYA:

**HUZAIFAH BIN AL-YAMAN
DATANG BERJUMPA UTHMAN
SELEPAS PEMBUKAAN
ARMINIYAH DAN AZREBAIJAN.
BELIAU TELAH DIKEJUTKAN
DENGAN PERSELISIHAN
MANUSIA DALAM BACAAN
(QIRAAT) AL-QURAN.
BELIAU BERKATA, “WAHAI
AMIR AL-MUKMININ,
SELAMATKANLAH UMAT INI
SEBELUM MEREKA
BERSELISIHAN DALAM AL-
QURAN SEPERTI PERSELISIHAN
YAHUDI DAN NASRANI.”**

**UTHMAN PUN SEGERA
MEMINTA MUSHAF DARIPADA
HAFSAH DENGAN BERKATA,
“HANTARKAN MUSHAF KEPADA
KAMI SUPAYA DAPAT KAMI
SALINKAN KEPADA BEBERAPA
MUSHAF LAIN.
KEMUDIAN KAMI AKAN
PULANGKAN KEPADA KAMU.”**

**HAFSAH PUN MENGHANTAR
MUSHAF ITU KEPADA UTHMAN.
UTHMAN MENGARAHKAN ZAID
BIN THABIT, ABDULLAH BIN AL-**

**ZUBAIR, SA'ID BIN AL-'AS DAN
ABDUL RAHMAN BIN AL-
HARITH BIN HISYAM
LALU MEREKA PUN MENYALIN
MUSHAF ITU KEPADA
BEBERAPA SALINAN.**

**ZAID BIN THABIT ADALAH
DARIPADA GOLONGAN AL-
ANSAR
MANAKALA TIGA YANG LAIN ITU
ADALAH DARIPADA GOLONGAN
QURAISH.
UTHMAN TELAH MEWASIATKAN
KEPADA MEREKA BERTIGA
DENGAN BERKATA,
“SEKIRANYA KAMU BERTIGA
BERSELISIH DENGAN ZAID
DALAM AYAT-AYAT AL-QURAN,
TULISLAH DALAM BAHASA
QURAISH KERANA IANYA
TURUN DALAM BAHASA
MEREKA.”**

**MEREKA PUN MENGIKUT
ARAHANNYA SEHINGGALAH
APABILA SELESAI,
UTHMAN PUN MEMULANGKAN
MUSHAF ITU KEPADA HAFSAH.
BELIAU MENGHANTAR
MUSHAF-MUSHAF YANG**

***DISALIN ITU KE SEGENAP
PELUSUK
DAN MENGARAHKAN AGAR
SEMUA LEMBARAN ATAU
MUSHAF LAIN DIBAKAR.***

UTHMAN MELAKUKAN
SEMUA INI SELEPAS
BERMESYUARAT DENGAN
PARA SAHABAT:

عن علي رضي الله عنه أنه قال: والله ما فعل
في المصاحف إلا عن ملاء منا،

قال: أرى أن نجمع الناس على مصحف واحد،

فلا تكون فرقة ولا اختلاف، قلنا، فنعم ما
رأيت.^[4]

MAKSUDNYA:

***DARIPADA ALI KATANYA,
“DEMI ALLAH, BELIAU
(UTHMAN) TIDAK MELAKUKAN
APA YANG DILAKUKANNYA
TERHADAP MUSHAF-MUSHAF
LAIN KECUALI DI BAWAH
PERHATIAN SEKUMPULAN
DARIPADA KAMI.
BELIAU BERKATA, “AKU***

***BERPENDAPAT PERLUNYA
DISATUKAN MANUSIA ATAS
SATU MUSHAF SUPAYA TIDAK
WUJUD PERPECAHAN ATAUPUN
PERSELISIHAN.” KAMI
MENJAWAB, “BAGUSLAH APA
YANG KAMU NAMPAK ITU.”***

DALAM SEBUAH RIWAYAT
LAIN:

قال مصعب بن سعد: أدركت الناس متوافرين
حين حرق عثمان المصاحف فأعجبهم ذلك،

أو قال: لم ينكر ذلك منهم أحد.^[5]

MAKSUDNYA:

***MUS‘AB BIN SA‘D BERKATA,
“AKU DAPATI MANUSIA BANYAK
HADIR
SEMASA UTHMAN MEMBAKAR
MUSHAF-MUSHAF DAN MEREKA
GEMBIRA DENGAN PERBUATAN
ITU.
TIDAK SEORANG PUN DARIPADA
MEREKA MENGINGKARINYA.”***

PERBUATAN INI ADALAH SALAH SATU KEBAIKAN AMIR AL-MUKMININ UTHMAN R.A. YANG DIPERSETUJUI OLEH SEMUA ORANG. USAHA INI MENYEMPURNAKAN USAHA PENGGANTI RASULULLAH S.A.W., ABU BAKAR R.A. DALAM MENGUMPULKAN AL-QURAN.

PERBEZAAN ANTARA USAHA UTHMAN DAN USAHA ABU BAKAR DALAM MENGUMPUL AL-QURAN IALAH, TUJUAN MENGUMPUL AL-QURAN PADA ZAMAN ABU BAKAR IALAH MENGUMPUL SEMUA AYAT-AYAT AL-QURAN DALAM SATU MUSHAF SUPAYA TIDAK LUPUT SEBAHAGIAN DARIPADA AYAT-AYAT ITU TANPA DIPERINTAHKAN AGAR MANUSIA BERSATU ATAS MUSHAF TERSEBUT. INI KERANA BELUM ADA LAGI KESAN PERBEZAAN BACAAN YANG MENUNTUT SUPAYA DIPERINTAHKAN BERSATU ATAS SATU MUSHAF.

SEMENTARA TUJUAN MENGUMPUL AL-QURAN PADA ZAMAN UTHMAN IALAH MENGUMPUL SEMUA AYAT-AYAT AL-QURAN DALAM SATU MUSHAF DAN DIPERINTAHKAN AGAR MANUSIA BERSATU ATAS MUSHAF ITU SAHAJA KERANA KESAN PERBEZAAN BACAAN AMAT MENAKUTKAN.

USAHA MENGUMPUL AL-QURAN INI MENGHASILKAN KEBAIKAN YANG BESAR KEPADA UMAT ISLAM SEPerti KESATUAN UMAT, KESATUAN PEMIKIRAN DAN WUJUDNYA KEHARMONIAN. IANYA JUGA TELAH MENOLAK KEROSAKAN YANG BESAR SEPerti PERPECAHAN UMAT, PERBEZAAN PEMIKIRAN DAN MENGHINDARI DARIPADA BERLAKUNYA KEBENCIAN DAN PERMUSUHAN.

SEJAK DARIPADA ITU, AL-QURAN TETAP DENGAN KEADAANNYA, DIPERSETUJUI OLEH SEMUA UMAT ISLAM, DIWARISI

SECARA *TAWATUR* OLEH YANG MUDA DARIPADA YANG TUA. AL-QURAN TIDAK DAPAT DICEMARKAN OLEH TANGAN-TANGAN PEMBUAT KEROSAKAN. AL-QURAN TIDAK DAPAT JUGA DIPUPUSKAN OLEH HAWA NAFSU ORANG YANG SESAT. SEGALA PUJI HANYA BAGI ALLAH TA'ALA, TUHAN LANGIT DAN TUHAN BUMI SERTA TUHAN SEKALIAN ALAM.

BILA DAN BAGAIMANAKAH HADIS DIBUKUKAN?

HADIS DIBUKUKAN SEJAK RASULULLAH SAW MASIH HIDUP. MEMANDANGKAN HADIS-HADIS SAHIFAH INI ADALAH SUMBER HUKUM KEDUA SELEPAS AL QURAN, PEMELIHARAAN HADIS AMAT DIBERIKAN PERHATIAN OLEH PARA SAHABAT NABI SAW. MEREKA MENGHAFAZNYA DENGAN MENGGUNAKAN INGATAN MEREKA YANG KUAT. BAGI SESETENGAH SAHABAT

PULA MEREKA MENULISNYA DI DALAM CATATAN UNTUK MEMBANTU INGATAN MEREKA.

PADA AWALNYA MEREKA DILARANG UNTUK MENULIS PERKARA SELAIN AL QURAN SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM SEBUAH HADIS SAHIH, MAKSUDNYA: **“JANGAN TULIS DARIPADAKU SELAIN AL QURAN. SESIAPA YANG MENULIS SELAIN AL QURAN, MAKA HENDAKLAH DIA MEMADAMNYA”**^[1]. TETAPI LARANGAN ITU HANYA BERSIFAT SEMENTARA DAN RASULULLAH SAW SENDIRI SELEPAS ITU TELAH MEMBERIKAN KEBENARAN KEPADA PARA SAHABAT UNTUK MENULIS HADIS^[2].

APABILA TIBA ZAMAN PARA TABIIN, MEREKA JUGA MEWARISI SIKAP INI DARIPADA PARA SAHABAT NABI SAW. ADA DI ANTARA MEREKA YANG MENGHAFAZNYA DAN ADA DI ANTARA MEREKA YANG MENULISNYA BAGI MEMBANTU

HAFAZAN MEREKA. MEREKA SENTIASA MENGIKUTI KELAS-KELAS PENGAJIAN YANG DIADAKAN OLEH PARA SAHABAT DAN MEREKA AKAN MENCATAT APA SAHAJA YANG DISAMPAIKAN OLEH PARA SAHABAT.

BEGITULAH KEADAANNYA SEHINGGA TIBA ZAMAN PEMERINTAHAN KHALIFAH ISLAM YANG TERKENAL IAITU UMAR IBN ABD. AZIZ (101H) DI SEKITAR SERATUS TAHUN PERTAMA HIJRAH. UMAR TELAH MENGARAHKAN SUPAYA HADIS-HADIS NABI SAW DIKUMPULKAN SECARA RASMI DAN TERSUSUN SUPAYA TIDAK HILANG DARIPADA PENGETAHUAN ORANG RAMAI^[3]. BELIAU TELAH MEMERINTAHKAN DUA ORANG ULAMA YANG TERKENAL UNTUK MENJALANKAN PROSES PEMBUKUAN RASMI HADIS-HADIS INI. MEREKA IALAH : ABU BAKR IBN AMRU IBN HAZM (120H) DAN IBN SHIHAB AL ZUHRI^[4].

KEPERIHATINAN UMAR
TELAH MENCETUSKAN SATU
SEMANGAT BARU DI KALANGAN
PARA ULAMA UNTUK TURUT
SAMA MENGUMPULKAN HADIS
SECARA RASMI DAN TERSUSUN.
DI ANTARA ULAMA HADIS YANG
MENYAHUT SERUAN UMAR IBN
ABD. AZIZ DI ZAMAN ITU IALAH:

- IBN JURAIJ (150H)
DI MEKAH
- AL AUZAA'I (156H)
DI SYAM
- SUFYAN AL
THAURI DI KUFAN
- MUHAMMAD IBN
ISHAK (151H) DAN
ABDULLAH IBN AL
MUBARAK (181H) DI
KHURASAN
- MALIK IBN ANAS
(179H) DI MADINAH

AMALAN INI BERTERUSAN
PADA AWAL KURUN KE 3 HIJRAH
DAN DI ANTARA MEREKA YANG
MEMBUKUKAN HADIS IALAH
IMAM-IMAM YANG DIKENALI
BUKU-BUKU MEREKA DENGAN
NAMA AL KUTUB AS SITTAH (6

BUKU):

1. MUHAMMAD IBN ISMAIL AL BUKHARI (256H)
2. MUSLIM IBN AL HAJJAJ (261H)
3. MUHAMMAD IBN YAZID (IBN MAJAH) (273H)
4. SULAIMAN IBN AL ASY'ATH (ABU DAUD) (275H)
5. MUHAMMAD IBN ISA (AL TIRMIZI) (279H)
6. AHMAD IBN SYUAIB (AL NASA'I) (303H)

SEJAK ZAMAN ITU HINGGALAH KE HARI INI, PENULISAN DALAM BIDANG HADIS MELALUI PELBAGAI PERINGKAT YANG MELIBATKAN BERMACAM-MACAM BENTUK PENULISAN. HADIS-HADIS YANG TELAH DIKUMPULKAN ITU TELAH DIKAJI DAN DINILAI OLEH PARA ULAMA. SEJAK ITU BANYAK BUKU TELAH DIHASILKAN YANG DAPAT KITA BACA HINGGA KE

HARI INI.

MUNGKIN ADA YANG MENYANGKA BAHAWA PENULISAN HADIS BERMULA LEWAT IAITU BEBERAPA RATUS TAHUN SELEPAS RASULULLAH SAW WAFAT. INI ADALAH PENDAPAT YANG TIDAK TEPAT. PENULISAN DAN PENGUMPULAN HADIS TELAH BERMULA SEJAK RASULULLAH SAW MASIH HIDUP. BENTUK PENULISAN DAN PENGUMPULAN INI TELAH BERKEMBANG DAN MENJADI LEBIH TERSUSUN SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN ZAMAN.